

Hormati proses pemilihan rektor baharu UIAM - Alma96

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN 12 September 2024 06:48pm **Masa membaca: 4 minit**



Foto hiasan



ALMA 96
PERSATUAN ALUMNI MATRIK UIAM 1996
(PFA-001-16-08022024)

ADAB DAN HIKMAH ASAS FIKRAH ALUMNI UIAM

ALMA96 sebagai salah satu perkumpulan alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), ingin menyatakan pendangan kami mengenai kenyataan terbaru Persatuan Alumni UIA yang dianggap tidak sesuai dan agak dangkal.

Kami berpendapat bahawa adalah tidak manis bagi persatuan alumni untuk mengeluarkan kenyataan yang kelihatan agak "garang dan kelihatan memaksa". Kenyataan yang seolah-olahnya tidak mencerminkan adab dan budi yang seharusnya menjadi etos yang menjadi legasi alumni UIA. Kami juga ingin menegaskan bahawa persatuan alumni tidak sepatutnya mendesak Kerajaan sepertimana kenyataannya itu.

Kerajaan tentunya sedar dan memahami kepentingan untuk mengisi kekosongan jawatan Rektor UIA dan tentunya pemilihan calon yang terbaik adalah keutamaan utama Kerajaan. Selain mencermati gagasan taktikal dan proses kekeluargaan wajar yang akan dilaksanakan, tentunya Kerajaan memahami identiti serta matlamat utama penubuhan UIA.

Calon yang diarahkan mestilah beribadat dan berkebolehan tinggi dari segi daya kepimpinan organisasi, punya daya intelektual akademik yang tinggi, mempunyai kesalinghubungan akademik tempatan dan antarabangsa yang sangat baik, serta punya keibtzaman tinggi untuk membawa hala tuju matlamat UIA sebagai sebuah universiti harapan Ummah.

Walaupun UIA kebekalangan ini mendepani pelbagai mehan dan tribulasi, kejayaannya mendubuki tangga kedua sebagai universiti Islam terbaik dunia bertasafiq Ummah adalah bukti bahawa kepermatipuan dan akademik universiti ini berada dalam keadaan yang terbaik.

Hakikatnya universiti ini masih tegap kepada corpus falsafah penubuhannya dalam kerangka yang praktikal, adalah sesuatu bertentangan dengan kenyataan persatuan alumni yang dianggap dangkal.

UIA masih menjadi pilihan utama bagi pelajar lepasan SPM, dan para graduannya sering mendapat pekerjaan tidak lama selepas bergraduan. Ini menunjukkan bahawa prestasi dan reputasi UIA tetap kukuh, dan kami percaya bahawa proses pemilihan rektor yang baru akan dilakukan dengan teliti dan penuh tanggungjawab.

SHAH ALAM - Semua pihak perlu menghormati proses pemilihan rektor baharu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan tidak terburu-buru membuat kenyataan yang boleh menjejaskan reputasi institusi pengajian tersebut.

Pengerusi Persatuan Alumni Matrik UIAM 1996 (Alma96), Mohamed Ibrahim Kunji Mohamad berkata, kenyataan Persatuan Alumni UIAM berhubung isu itu dilihat tidak mencerminkan adab dan budi yang seharusnya menjadi perwatakan legasi alumni badan pengajian berkenaan.

Ujar Mohamed Ibrahim, pihaknya percaya bahawa prosedur pemilihan itu perlu dilakukan dengan teliti dan penuh tanggungjawab oleh kerajaan.

"Kami berpendapat bahawa adalah tidak manis bagi persatuan alumni untuk mengeluarkan kenyataan yang kelihatan agak garang dan kelihatan memaksa.

"Kami juga ingin menegaskan bahawa persatuan alumni tidak sepatutnya mendesak kerajaan seperti yang dinyatakan sebelum ini," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sebelum ini, Rektor ke-6 UIAM digalas oleh Profesor Emiritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan beliau menamatkan perkhidmatannya selepas enam tahun menyandang jawatan berkenaan.

Pada Isnin, Persatuan Alumni UIAM meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menyegerakan pengumuman rektor baharu UIAM.

Presidennya, Khalek Awang berkata, kekosongan jawatan rektor sejak 31 Ogos lalu dilihat tidak baik dari segi tatakelola malah, perlu dilakukan serta-merta bagi memulihkan kembali kedudukan UIAM yang telah menyimpang daripada falsafah asal penubuhan.

Menurut Mohamed Ibrahim, kerajaan pasti sedar dan memahami kepentingan untuk memilih calon terbaik dalam mengisi kekosongan jawatan rektor UIAM.

Ulasnya, selain mencermati gagasan tatakelola dan pelaksanaan proses ketekunan, tentunya kerajaan memahami identiti serta matlamat utama penubuhan organisasi pengajiani itu.

"Calon yang dilantik mestilah berwibawa dan berkebolehan tinggi dari segi daya kepimpinan organisasi serta mempunyai daya keintelektualan akademia yang tinggi.

"Selain itu, mempunyai kesalinghubungan akademi tempatan dan antarabangsa yang sangat baik, serta keiltizaman tinggi untuk membawa hala tuju matlamat UIA sebagai sebuah universiti harapan ummah," menurutnya.